


TENTERAMKAN JIWA HADAPI GELORA COVID-19

Oleh: Ahmad Irfan bin Mohamed, 1171105,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia
Disiarkan pada 6 April 2020



Pada penghujung Disember 2019, dunia dikejutkan dengan kemunculan virus baharu iaitu *novel coronavirus* yang pertama kali dikesan di Wuhan, China. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) kemudian menamakan virus tersebut sebagai COVID-19.

Wabak COVID-19 seterusnya menular ke negara-negara lain termasuk Itali, Amerika Syarikat dan Malaysia. Setelah mendapati penularan COVID-19 memasuki tahap global, WHO seterusnya mengkategorikan virus tersebut sebagai pandemik.

Statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia setiap hari menunjukkan peningkatan kes jangkitan COVID-19 di negara ini. Setakat ini, lebih 60 kematian melibatkan pesakit COVID-19 telah dicatatkan.

Apabila membicarakan tentang COVID-19, banyak pihak yang melihat dari perspektif kesihatan dan ekonomi. Tidak kurang juga yang mengupas dari sudut keagamaan khususnya bagi umat Islam.

Sebahagian umat Islam mengaitkan pandemik COVID-19 dengan ujian yang diturunkan Allah SWT untuk menguji tahap kesabaran dan keyakinan mereka terhadap-Nya. Dalam pada itu, ada juga yang mengatakan bahawa penyakit ini diturunkan oleh Allah SWT sebagai bala dan musibah berikutan dosa dan maksiat yang dilakukan oleh manusia.

Kedua-kedua pendapat ini boleh diterima dan mungkin menjadi sebab berlakunya situasi ini. Cuma yang pasti, hanya Allah SWT sahaja yang mengetahui apakah sebab yang sebenar di sebalik semua peristiwa yang berlaku.

Rentetan daripada itu, pandemik COVID-19 mencetuskan kerisauan terhadap hampir setiap orang. Kita dapat menyaksikan pelbagai reaksi manusia dalam menangani masalah-masalah berkaitan COVID-19. Ada yang tenang manakala tidak kurang juga yang panik.

Sebagai seorang Muslim, kita seharusnya bersikap tenang dan sabar ketika berdepan ujian daripada Allah SWT. Lakukan amalan-amalan yang dapat mendekatkan diri kita kepada-Nya sekali gus berupaya menenangkan jiwa apabila dilanda keresahan.

Pertama, sebagai seorang yang beragama Islam, walaupun dalam keadaan cemas dan bimbang, kita sepatutnya memperbanyakkan zikir kepada Allah SWT kerana amalan ini menjadikan hati kita tenang walaupun suasana di sekeliling kita tidak menentu.

Firman Allah SWT dalam surah ar-Ra'd, ayat 28 yang bermaksud: *“Orang yang beriman hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingat Allah, hati menjadi tenteram.”*



Kedua, bertaubatlah atas dosa-dosa yang lalu dan kembali kepada Allah SWT dengan sepenuhnya. Dalam surah al-Baqarah ayat 156, Allah SWT telah berfirman yang bermaksud: *“(Yaitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapkan: Inna lillaahi wa innaa ilaihi raaji’uun”*.

Ketiga, amalkan kebersihan dalam setiap aspek kehidupan seharian. Islam merupakan agama yang amat menitikberatkan soal kebersihan. Seruan menjaga kebersihan dapat ditafsir melalui hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Kebersihan itu separuh daripada iman” (HR. Al-Tirmizi)*.

Yang terakhir, perbaikilah ibadah-ibadah yang wajib khususnya solat lima waktu yang sebelum ini kita lakukan secara kurang sempurna atau terlalai agar kita beroleh rahmat dan keampunan daripada Allah SWT.